



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMEROLEHAN BAHASA PERTAMA DARI ASPEK SINTAKSIS DI KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH



05-4506832



AHMMAD SALEHUDDIN BIN SAMAN



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMEROLEHAN BAHASA PERTAMA DARI ASPEK SINTAKSIS DI KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH

AHMMAD SALEHUDDIN BIN SAMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK SARJANA DI KEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2004**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 APRIL 2004


(AHMMAD SALEHUDDIN BIN SAMAN)
2002 - 00494



DEDIKASI UNTUK ...

**BONDA YANG DIKASIHI,
Doa kalian mengiringi kejayaanku.**

**ISTERI DAN PUTERI-PUTERI TERCINTA,
Pengorbanan kalian
tetap bersemadi di jiwa.**

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah serta keizinan-Nya maka kajian yang bertajuk Pemerolehan Bahasa Pertama Dari Aspek Sintaksis Di kalangan Kanak-Kanak Prasekolah ini dapat disempurnakan.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, En. Ahmad Khair b. Mohd Nor yang telah banyak memberi bimbingan dan dorongan serta tunjuk ajar yang amat berharga dalam menyempurnakan projek sarjana ini. Segala bimbingan serta pedoman yang diberikan akan menjadi pegangan saya selamanya.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan, Pegawai-pegawai Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Negara, Pegawai Kemas Sabak Bernam, guru dan pembantu, ibu bapa dan kanak-kanak Tadika Kemas Sabak Bernam yang telah banyak memberi kerjasama dan membantu saya mendapatkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian yang saya jalankan.

Akhir sekali semoga hasil penulisan dan kajian saya ini akan dapat membantu dan memberi manfaat kepada pengkaji-pengkaji, penyelidik-penyelidik, penerbit buku dan guru-guru tadika.

Sekian, wasalam.

AHMAD SALEHUDDIN BIN SAMAN
200200494
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan.



ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian pemerolehan bahasa pertama bagi kanak-kanak prasekolah khususnya daripada aspek sintaksis di sekolah Tadika Kemas di Sabak Bernam, Selangor.

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Objektif pertama ialah untuk melihat pemerolehan sintaksis di kalangan kanak-kanak prasekolah dari segi kebolehan menghasilkan jenis ayat bahasa Melayu iaitu Ayat Penyata, Ayat Tanya, Ayat Seruan dan Ayat Perintah. Objektif kedua, untuk melihat binaan ayat yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah, dan objektif ketiga, untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan sintaksis di kalangan kanak-kanak prasekolah. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan dan kepustakaan.

Daripada kajian yang dijalankan, didapati bahawa kanak-kanak prasekolah telah berjaya menghasilkan jenis-jenis ayat bahasa Melayu melalui aktiviti mingguan suaikenal, aktiviti melukis, dan aktiviti perbualan menggunakan Kit misteri. Ayat penyata adalah jenis ayat yang paling kerap dihasilkan iaitu sebanyak 55.5%, diikuti ayat tanya 24.3%, ayat perintah 13.3% dan ayat seruan 6.8%. Kemampuan kanak-kanak prasekolah membina ayat dasar dan ayat majmuk juga menunjukkan bahawa mereka sebenarnya berkebolehan dalam pemerolehan bahasa, khususnya dalam konteks pembinaan ayat. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kadar pemerolehan sintaksis kanak-kanak prasekolah di Tadika Kemas, Sabak Bernam adalah sederhana disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhinya.



ABSTRAC

This research focuses on the first language acquisition of the pre-school children emphasizing on the aspect of syntax at the Tadika Kemas (a kindergarden) in Sabak Bernam.

This research has 3 main objectives. The first objective is to observe the syntax acquired by the pre-school children the ability to construct, the types of sentences in Malay Language that are statements, interrogatives, exclamatives and imperatives. The second objective is to observe the building of sentence used by pre-school children and the third objective, is to identify the factors that affect the syntax acquisition among the pre-school children. The method used in this research are survey and library.

Based the research conducted, it is found that the pre-school are ask to produce the four types of sentences in the Malay Language through the weekly orientation activities, drawing activities and oral activities by using their 'Mistery' kit. The most frequently produced sentence types is statements 55.5%, followed by interrogatives 24.3%, imperatives 13.3% and exclamatives 6.8%. The ability of pre-school children to construct simple sentences and complex sentences also indicate that they have construction. The findings of this research also shows the rate of first language acquisition of the pre-school children in terms of syntax is average due to the various effecting factors.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN / SIMBOL	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang	1
1.2 Pernyataan masalah	12
1.3 Kepentingan kajian	13
1.4 Objektif kajian	14
1.5 Batasan kajian	16
1.6 Definisi operasional	16
1.6.1 Pemerolehan bahasa	16
1.6.2 Sintaksis	18
1.6.3 Kanak-kanak	18
1.6.4 Tadika	19

BAB 2 TINJAUAN TERHADAP PEMEROLEHAN SINTAKSIS

2.1 Pengenalan	20
2.2 Huraian Behaviouris dan Mentalis tentang penguasaan sintaksis	21
2.3 Kajian tentang pemerolehan sintaksis	23
2.4 Pemerolehan sintaksis kanak-kanak	27
2.5 Faktor-faktor latar belakang keluarga dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak	38

BAB 3 KAEDAH DAN TATACARA PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka bentuk penyelidikan	47
3.3 Tatacara penyelidikan	48
3.4 Contohan	50
3.5 Alat pengumpulan data	50
3.6 Penganalisan data	51

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	55
4.2 Pemerolehan Sintaksis	56
4.2.1 Penghasilan jenis-jenis ayat Bahasa Melayu berdasarkan aktiviti	56
4.2.2 Binaan ayat kanak-kanak prasekolah	64
4.3 Faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan sintaksis	69
4.3.1 Faktor latar belakang keluarga	69

4.3.2 Faktor-faktor persekitaran	76
4.3.3 Faktor Pendedahan dan Rangsangan	81
4.4 Perbincangan	84

Bab 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	88
5.2 Kesimpulan	88
5.3 Cadangan	90

RUJUKAN	91
---------	----

LAMPIRAN

A - Surat Kepada Ibu Bapa Responden	94
B - Borang Soal Selidik	95

D - Jenis-jenis Ayat Bahasa Melayu Dalam Aktiviti Melukis	105
Aktiviti Minggu Suai Kenal	106
Aktiviti Menggunakan Kit Misteri	108
E - Ayat Majmuk	115

SENARAI JADUAL

JADUAL

MUKA SURAT

3.1	Bilangan responden mengikut jantina	54
4.1	Penghasilan jenis-jenis ayat dalam aktiviti melukis	57
4.2	Penghasilan jenis-jenis ayat dalam aktiviti minggu suaikenal	58
4.3	Penghasilan jenis-jenis ayat dalam aktiviti perbualan menggunakan kit misteri	59
4.4	Penghasilan jenis-jenis ayat berdasarkan aktiviti-aktiviti	60
4.5	Penghasilan jenis-jenis ayat berdasarkan jantina : lelaki	61
4.6	Penghasilan jenis-jenis ayat berdasarkan jantina : perempuan	62
4.7	Kekerapan binaan ayat Kanak-kanak Tadika Kemas Sabak Bernam	65
4.8	Beberapa contoh ayat dasar Kanak-kanak Tadika Kemas Sabak Bernam	66
4.9	Beberapa contoh ayat majmuk Kanak-kanak Tadika Kemas Sabak Bernam	67
4.10	Tahap pendidikan ketua keluarga	70
4.11	Jenis pekerjaan bapa / penjaga responden	72
4.12	Jenis pekerjaan ibu / penjaga responden	73
4.13	Pendapatan bulanan ibu bapa responden	74
4.14	Jarak kawasan tempat tinggal responden dari pekan Sabak Bernam	76
4.15	Kekerapan ibu bapa membaca buku kepada anak	78
4.16	Kekerapan ibu bapa bercerita kepada anak	78

- | | | |
|------|---|----|
| 4.17 | Kekerapan ibu bapa membawa anak ke Perpustakaan Awan dalam sebulan | 79 |
| 4.18 | Ayat Kanak-kanak Tabika Kemas Sabak Bernam yang mengandungi kata-kata isi dan perluasan | 81 |
| 4.19 | Ayat kanak-kanak yang ada pengaruh media masa | 83 |
| 4.20 | Ayat kanak-kanak pra-sekolah yang menceritakan tentang lawatan | 84 |

SENARAI RAJAH

Rajah A Pembahagian tahap pendidikan ibu bapa dalam bentuk carta pai

73



SENARAI SINGKATAN / SIMBOL

AP	Ayat Penyata
MSK	Minggu Suaikenal
PKM	Perbualan Menggunakan Kit Misteri
RKA	Responden Kelas Atasan
RKM	Responden Kelas Menengah
RKR	Responden Kelas Rendah





BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Proses-proses yang menghasilkan kemahiran berbahasa dalam bahasa pertama dan bahasa kedua adalah berbeza. Perbezaan ini jelas diketahui apabila istilah yang digunakan untuk menggambarkan kedua-dua bentuk proses adalah berbeza. Bagi bahasa pertama, istilah “pemerolehan” digunakan, manakala bagi bahasa kedua, istilah “pembelajaran” digunakan. Dengan hal yang demikian, ada dua proses bagaimana kanak-kanak menguasai bahasa. Kanak-kanak menguasai bahasa boleh melalui proses semulajadi atau berdasarkan proses yang terancang.

Pemerolehan bahasa pada kanak-kanak tidak dapat lari daripada perkembangan psikologi kanak-kanak. Hal ini kerana pemerolehan bahasa berlaku dari satu tahap ke tahap yang lain. Pemerolehan bahasa pertama dianggap oleh sesetengah ahli bahasa berlaku sejak seseorang itu masih di dalam kandungan lagi. Tegasnya, bahasa pertama ini akan dikuasai oleh individu secara semulajadi melalui proses





“pemerolehan bahasa”. Hal ini bermakna bahawa bahasa pertama pada dasarnya dapat dikuasai oleh seseorang tanpa melalui proses pembelajaran secara formal.

Setelah kanak-kanak itu berada di sekolah rendah dan menengah, mereka akan terus belajar bahasa pertama ini. Namun dari segi keterampilan berbahasa, seseorang anak itu tidak mengalami banyak perubahan, meskipun dalam beberapa hal, umpamanya dalam kosa kata, ia belajar bahasa pertama terus-menerus sepanjang hayatnya. Pemerolehan bahasa pertama dianggap bahasa yang utama bagi seseorang kanak-kanak kerana bahasa ini paling mantap pengetahuan dan penggunaannya.

Menurut Simanjuntak (1987 : 157), pemerolehan bahasa ialah proses-proses yang berlaku di dalam otak seorang kanak-kanak (bayi) sewaktu memperoleh bahasa ibundanya. Pemerolehan bahasa pertama ini terjadi apabila anak yang belum pernah belajar bahasa apa pun mulai belajar bahasa untuk pertama kali. Proses-proses yang berlaku sewaktu kanak-kanak sedang memperoleh bahasa ibundanya terdiri daripada dua jenis : jenis pertama ialah perlakuan (performance) yang terdiri daripada proses-proses pemahaman dan proses-proses penerbitan dan yang kedua ialah kecekapan (competence). Kedua-dua proses ini adalah berbeza.

Perlakuan merujuk kepada aktiviti-aktiviti seperti mengamati, memahami dan seterusnya menerbitkan ayat daripada bahasa yang didedahkan kepada seseorang. Aktiviti-aktiviti ini akan membentuk kebolehan linguistik di kalangan kanak-kanak tersebut. Manakala kecekapan pula bermaksud pengetahuan tatabahasa yang dikuasai secara tidak sedar yang mungkin berlaku pada masa seseorang itu mengamati atau





memahami bahasa yang didedahkan kepadanya. Hal ini bermakna bahawa pemerolehan bahasa adalah proses penurunan tatabahasa ibunda bagi seseorang kanak-kanak (Mengantar Simanjuntak, 1987 : 158).

Dalam proses pemerolehan bahasa pertama, kanak-kanak itu akan belajar semua konsep yang diperlukan untuk berkomunikasi dengan ibu bapa, rakan-rakan dan ahli masyarakat sekelilingnya. Bahasa pertama menjadi salah satu sarana untuk mengungkapkan perasaan, keinginan, pendirian dan sebagainya, dalam bentuk-bentuk bahasa yang dianggap wajar. Kanak-kanak ini juga belajar bahawa ada bentuk-bentuk yang tidak dapat diterima oleh anggota masyarakatnya dan ia tidak selalu boleh mengungkapkan perasaannya secara sewenang-wenangnya.



Daripada kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa kanak-kanak selalunya dapat memperoleh bahasa pertama dalam waktu yang relatif singkat (yakni kira-kira usia dua hingga enam tahun) dan secara berperingkat-peringkat, meskipun bahasa pertama yang didengar di sekelilingnya bukan bahasa pertama yang gramatis dan tidak tanpa kesalahan, dalam struktur dan kosa kata.

Dalam mengkaji proses pemerolehan bahasa, terdapat dua teori yang ditimbulkan oleh kedua-dua golongan ahli bahasa yang berpegang kepada paradigma behaviouris dan mentalis. Kedua-dua golongan ahli bahasa ini menghuraikan fenomena-fenomena bahasa dengan cara yang seringkali bertentangan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, wujud dua cara yang berlainan untuk menghuraikan pelbagai fenomena yang berkaitan dengan penguasaan sistem-sistem bahasa.





Bagi golongan behaviouris, penguasaan bahasa adalah hasil daripada rangsangan dan gerak balas. Golongan ini menganggap perkembangan penguasaan bahasa adalah hasil langsung daripada perkembangan sistem kognitif dan kemajuan interaksi psikososio antara kanak-kanak dengan persekitaran mereka. Golongan ini juga berpendapat bahawa penguasaan sintaksis oleh kanak-kanak dikatakan berpunca daripada pengaruh persekitaran. Dengan kata lain, ia ditafsirkan sebagai terhasil daripada aktiviti pemerhatian dan peniruan yang dilakukan oleh kanak-kanak terhadap pertuturan para penjaga dan orang-orang dewasa lain yang mempunyai intensiti interaksi yang tinggi dengan mereka.

Penyelidikan-penyelidikan oleh para penyelidik daripada golongan behaviouris cuba membuktikan bahawa yang dikuasai oleh kanak-kanak adalah hasil daripada aktiviti peniruan yang mereka lakukan. Orang-orang dewasa memberikan rangsangan-rangsangan bahasa yang secukupnya dan dalam bentuk yang mudah ditiru pula. Pemerolehan sintaksis dipersepsikan sebagai bersifat mekanikal dan dikuasai menerusi proses peniruan berdasarkan prinsip-prinsip rangsangan dan gerak balas (Zulkifley Hamid 1994 : 9).

Bagi golongan mentalis pula, penguasaan bunyi-bunyi bahasa tidak dianggap berlaku menerusi proses semata-mata, tetapi dianggap melibatkan organisasi-organisasi minda. Mereka menekankan kepentingan faktor-faktor dalaman (*endogenous*) seperti alat pemerolehan bahasa semulajadi seperti yang disarankan oleh Noam Chomsky (1981 : 1988).





Pendekatan golongan mentalis didasarkan kepada “The innateness hypothesis” yang menghuraikan bahawa otak manusia telah dipersiapkan secara semula jadi (genetik) untuk berbahasa. Chomsky sebagai tokoh penting dan pelopor aliran mentalis ini mempercayai bahawa di dalam otak manusia terdapat unsur yang dikatakan sebagai struktur bahasa sejagat atau LAD (*Language Acquisition Device*). Di dalam LAD ini terdapat “the innate scheme” atau skema nurani. Dari sinilah proses pemerolehan atau penguasaan bahasa ini boleh dikembangkan dan diperkukuhkan (Chomsky, 1968). Oleh itu tugas kanak-kanak bukanlah mendapatkan rumus-rumus bahasa ibundanya, tetapi hanyalah menyesuaikan rumus-rumus yang terkandung dalam nahu universal dengan nahu bahasa pertamanya (Zulkifley Hamid 1994 : 10).



Sehubungan dengan pendekatan di atas Teori Firth (yang telah diajukan oleh John Rupert Firth) mengatakan bahawa struktur sesuatu bahasa itu mempunyai lima tingkatan. Tingkatan-tingkatan itu ialah tingkatan fonetik, tingkatan leksikon, tingkatan morfologi, tingkatan sintaksis dan tingkatan semantik (Firth, 1966).

Seseorang kanak-kanak itu akan belajar bercakap bermula daripada tingkatan yang paling bawah, mungkin daripada satu kata dan berkembang hingga kepada dua atau lebih hingga membina satu perkataan. Dari sinilah bahasa itu akan diperkembangkan kepada bentuk yang lebih kompleks. J.N.Carolyn (1976 : 5) menegaskan bahawa :





The child begins by speaking the underlying structure of a sentence. He or she then adds transformations to this language and personal language productions begins to be further and further away from the underlying structure.

Proses pemerolehan bahasa akan berkembang mengikut urutan jadual semula jadi yang sama erat hubungannya dengan proses kematangan kanak-kanak itu.

Mengikut Lawton, (1973 : 14) tentang hal ini ialah:

A baby clearly comes into the world with an unfinished mind, and as the grows nature, he slowly wvolves into a mature adult capable of performinng fantastic computer - like operations ...

Piaget (1959) dalam bukunya “**The Language and Thought of The Child**” berpendapat bahawa perkembangan bahasa bergerak selari dan merupakan bahagian daripada perkembangan kognitif umum kanak-kanak. Menerusi Teori Pertumbuhan Kognisi, Piaget berpendapat seorang kanak-kanak mempelajari segala sesuatu mengenai dunia melalui tindakan-tindakan dan perilakunya dan kemudian melalui bahasa.

Piaget telah membahagikan tingkat perkembangan mental kanak-kanak kepada empat tahap dan ciri-ciri tahap ini berbeza-beza. Tahap-tahap itu ialah :

- A. Sensorimotor (dari saat kelahiran hingga 2 tahun)
 - i. Sebahagian besar pergerakannya dirangsangkan.
 - ii. Tidak boleh/tidak ada bahasa.
 - iii. Hanya menggunakan sedikit fikiran setelah beraksi.
 - iv. Belajar mengenal objek.





- v. Pada akhir tempoh dua tahun mula mengenal ibu bapa, dan mengenal nama-nama binatang.
- vi. Faktor masa - hanya kalakini (present tense).
- vii. Kawasan - hanya mengenal tempat dia berada sahaja, iaitu di sekitar dalam rumah sahaja.

B. “Pre-operational” (2 – 7 tahun)

- i. Bahasa mula berkembang.
- ii. Tidak boleh berfikir secara abstrak.
- iii. Egosentrik.
- iv. Tidak berfikiran terbalik (‘inverse’).
- v. Bertindak atas rangsangan sendiri.
- vi. Pemikiran statik.



- vii. Faktor masa - berfikir tentang masa kini, masa lalu, masa depan. Akan tetapi, jangka masa sangat pendek.
- viii. Kawasan - sekitar perkarangan rumah, kawasan jiran dan kebun di belakang rumah.

C. “Concrete Operational” (7 – 11 tahun)

- i. Membuat operasi, menggabung, menceraikan, mendarab, membahagi, mengarah, menambah, membuang dan sebagainya. Mula berupaya berfikir secara kritis.

D. “Formal Operational” (11 - 15 tahun)

- i. Melahirkan pemikiran “hypothetical and propositional”.
- ii. Boleh menilai sendiri proses pemikiran dan bersifat refleksif.
- iii. “Synthesize”.





- iv. Berangan-angan.
- v. Membuat sesuatu yang abstrak dan berupaya berfikir secara konsep (conceptual thinking).

Pembahagian peringkat umur mengikut Piaget seperti di atas memperlihatkan perkembangan emosi dan pemikiran seseorang kanak-kanak daripada mula lahir hingga mencapai tahap remaja. Perkembangan di atas hanya akan berlaku sekiranya kanak-kanak itu terdedah kepada persekitaran yang sihat.

Pendedahan kepada persekitaran adalah salah satu syarat yang sangat diperlukan jika seseorang ingin menguasai sesuatu bahasa di dunia. Pendedahan kanak-kanak terhadap persekitaran bahasa dalam lingkungan kehidupannya dan latihan akan memberikan pengalaman berbahasa yang sangat berguna kepada kanak-kanak tersebut. Mengikut Dulay et al. (1982), persekitaran bahasa yang meliputi semua yang didengar dan dilihat oleh kanak-kanak dalam bahasa sasaran akan banyak memberi pengalaman.

Seterusnya kanak-kanak itu akan dapat membina ayat-ayat mudah dan pendek bagi tujuan sosial yang lazim didengarnya. Umpamanya ayat “Mari kita makan nasi” menjadi “Makan nasi”, “Bola ini adik punya” menjadi “Adik punya”.

Secara umum, penyelidik-penyelidik dalam bidang pemerolehan bahasa menganggap bahawa pemerolehan sintaksis hanya bermula apabila kanak-kanak dapat menggabungkan dua atau lebih kata. Dengan kata lain, peringkat satu kata atau yang





sering disebut sebagai peringkat holofrasa tidak dianggap sebagai titik permulaan penguasaan sistem sintaksis (Zulkifley Hamid, 1990 : 329).

Steinberg (1982 : 157) telah membahagikan peringkat perkembangan penguasaan sintaksis kepada tiga tahap iaitu tahap telegraf, morfem dan transformasi (Zulkifley Hamid, 1994 : 7).

Pada **tahap telegraf**, kanak-kanak mengucapkan gabungan kata secara amat ringkas, seolah-olah berlaku penjimatan kata yang keterlaluan. Pada tahap ini kanak-kanak jarang sekali mengucapkan kata-kata tugas. Ayat dibina dengan kata-kata ini sahaja, contohnya “Mak eleh” yang bermaksud “Emak tidak boleh buka”, “Mak Bat” yang bermaksud “Saya tidak sukakan ubat itu” dan sebagainya. Pada tahap ini kanak-



kanak masih belum dapat menggunakan morfem-morfem terikat.



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Pada **tahap morfem** kanak-kanak mula menggunakan kata-kata dengan lebih rencam daripada telegraf. Kata-kata tugas mula wujud dalam ayat kanak-kanak. Contoh : “Emak bukakan”, “Emak pakaikan”, “Emak belikan buku itu”, dan seterusnya.

Pada **tahap transformasi**, kanak-kanak telah menguasai kebolehan untuk menukarkan bentuk-bentuk yang sederhana kepada bentuk yang lebih rencam. Kanak-kanak sudah menguasai kebolehan untuk melakukan pronominalisasi membentuk ayat-ayat nafian dan juga ayat-ayat pertanyaan, walaupun berkemungkinan ayat-ayat tersebut tidak gramatis. Contoh-contoh ayat bahasa Melayu yang dihasilkan oleh





kanak-kanak pada tahap ini ialah “Tak mahu makan”, “Tak mahu minum”, “Tak sedap”, dan seterusnya (Zulkifley Hamid, 1994 : 78).

Menurut Awang Mohd. Amin (1979 : 9), banyak penyelidik berpendapat bahawa jangka masa di antara masa 1 hingga 5 tahun umur kanak-kanak adalah waktu penguasaan bahasa yang paling kritikal. Hal ini juga telah dibincangkan oleh Clark (1970 : 269) yang menyatakan bahawa dalam tempoh 5 tahun, kanak-kanak (dalam hal ini kanak-kanak itu tidak mengalami kecacatan pada alat pertuturan atau alat-alat lain) yang berhubung dengan penghasilan bahasa yang ada padanya dapat mengumpulkan pengalaman untuk berbahasa.

Dalam jangka masa kritikal, kanak-kanak sangat mudah menerima pengaruh bahasa pertama yang didedahkan kepadanya. Kanak-kanak dapat menguasai dengan cara bukan melalui proses pembelajaran. Pemerolehan bahasa ini juga boleh difahami sebagai pembelajaran bahasa ke peringkat yang cukup untuk berhubung dengan individu lain dalam masyarakat. Oleh itu, pemerolehan bahasa pertama merupakan situasi pembelajaran yang bersahaja dan tidak secara formal. Kanak-kanak yang mempelajari bahasa pertama akan mengalami dua peringkat penguasaan bahasa seperti berikut:

- a. Bahasa pertama pada masa kecil. Pada peringkat ini pertuturan kanak-kanak merupakan yang dihalakan kepada diri sendiri dan bukannya untuk perhubungan dalam masyarakat. Keadaan ini berterusan sehingga kanak-kanak itu berumur 4 tahun.





- b. Bahasa pertama yang dipelajari setelah besar dan dipraktikkan di sekolah. Ini membolehkan kanak-kanak bertutur dengan ahli masyarakat juga ibu bapa dengan cara yang lebih baik dan berkesan (Atan Long, 1978 : 288).

Berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan itu, dapatlah kita menyatakan bahawa pemerolehan bahasa di kelas tadika merupakan kesinambungan daripada pemerolehan bahasa bagi kanak-kanak pada masa kecilnya. Hal ini pernah dinyatakan oleh Awang Had Salleh (1973 : 11 – 15), iaitu peranan tadika dan tabika adalah sebagai saluran atau jambatan bagi proses penyesuaian dari alam rumah tangga atau kekeluargaan kepada alam persekolahan.



Oleh kerana peringkat awal kanak-kanak yang berumur antara 4 – 6 tahun ini merupakan jangka masa penguasaan bahasa yang paling kritikal, maka adalah logik jika kanak-kanak itu diberikan didikan di peringkat prasekolah. Hal ini kerana pendidikan prasekolah itu adalah suatu sistem pendidikan yang khusus untuk kanak-kanak yang baru mencapai peringkat awal perkembangan bahasa mereka. Dengan kata-kata lain pemerolehan bahasa itu tidak terhenti setakat kanak-kanak itu berumur 4 tahun, malah terus memperoleh bahasa selari dengan perkembangan fizikalnya, iaitu sehinggalah kanak-kanak tersebut berumur 13 tahun. Jadi, pendedahan kanak-kanak ini di kelas tadika adalah penting kerana ia merupakan permulaan sistem pendidikan formalnya.





1.2 Pernyataan Masalah

Kebolehan kanak-kanak berbahasa di sekolah rendah didapati kurang memuaskan disebabkan oleh kegagalan pelajar mendapat pendedahan awal di peringkat prasekolah. Keadaan ini lebih jelas berdasarkan kajian keciciran (1973) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang mendapati bahawa kebolehan berbahasa kanak-kanak di sekolah rendah berkait dengan prestasi yang dihasilkan dari pendidikan prasekolah. Hal ini berlaku kerana kegagalan guru memberi pendedahan bahasa pada peringkat awal kepada kanak-kanak di prasekolah.

Kanak-kanak prasekolah adalah kanak-kanak yang mengalami zaman peralihan antara dunia rumah tangga dengan dunia persekolahan. Pelbagai pengalaman sosial serta pengalaman yang rumit yang dialami oleh mereka di pusat-pusat prasekolah telah mempengaruhi mereka dalam menerbitkan pelbagai bentuk dan jenis ayat.

Menurut Atan Long (1978), perbezaan latar belakang didapati turut mempengaruhi pemerolehan sintaksis kanak-kanak ini. Kanak-kanak daripada kelas sosial rendah didapati kurang bercakap, pasif, pemalu dan pendiam berbanding dengan kanak-kanak daripada kelas sosial menengah dan atasan. Kanak-kanak ini juga kurang berkebolehan untuk membentuk ayat dan mempunyai struktur ayat yang lemah berbanding dengan kanak-kanak yang sebaya dari kelas menengah dan atasan.

Kanak-kanak didapati sukar untuk membina ayat kerana mereka masih keliru dengan makna di dalam sesuatu ujaran atau tulisan kerana kekurangan maklumat. Ini





diperkukuhkan lagi melalui kajian S.Nathesan (2001), yang menjelaskan bahawa mengikut pengalamannya, bahasa ada banyak ketika seseorang penutur itu berasa bingung akan makna dalam sesuatu ujaran atau tulisan kerana kurangnya maklumat kontekstual.

Oleh itu, terdapat ramai ibu bapa yang mempunyai perasaan bimbang apabila anak mereka didapati tidak pandai bertutur, tidak boleh berkomunikasi, lambat membaca dan bersikap pasif dengan guru dan rakan sebaya apabila berada di tadika dan di sekolah nanti.

1.3 Kepentingan Kajian

Memandangkan amat kurang kajian yang dilakukan terhadap pemerolehan bahasa kanak-kanak di tadika, khususnya terhadap pemerolehan sintaksis, maka penyelidik berpendapat adalah perlu dan bersesuaian kajian ini dijalankan, khususnya di Malaysia. Tambahan pula pemerolehan bahasa di peringkat prasekolah adalah penting dikuasai kerana ia merupakan kesinambungan bahasa kanak-kanak sebelum mereka menghadapi pembelajaran formal di sekolah rendah nanti. Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan. Antaranya :

1. Kajian ini dapat memberikan maklumat sebenar kepada penyelidik tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak, khasnya di Tadika Kemas Sabak Bernam, Selangor.





2. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada guru-guru tadika dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak tadika.
3. Kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan prasekolah di sekolah-sekolah bantuan kerajaan, KEMAS atau badan-badan swasta dalam usaha menyemak dan menentukan perancangan yang teliti semasa menggubal sukatan pelajaran untuk kanak-kanak tadika.

Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak penerbit dan penulis buku-buku bahasa Melayu dalam menghasilkan bahan bacaan untuk kegunaan kanak-kanak prasekolah ini. Hal ini penting bagi memastikan buku-buku yang bermutu dan sesuai dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah.

Akhir sekali, kajian ini juga diharapkan dapat membantu penyelidik-penyelidik lain yang berminat untuk mengkaji pemerolehan bahasa kanak-kanak, terutama tentang pemerolehan sintaksis bahasa Melayu.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat tahap pemerolehan dan penguasaan sintaksis di kalangan kanak-kanak prasekolah di Tadika Kemas Sabak Bernam, Selangor.

Secara khusus objektif kajian ini ialah :





1. Untuk melihat pemerolehan sintaksis di kalangan kanak-kanak prasekolah; dari segi kebolehan menghasilkan Jenis-Jenis Ayat BM iaitu Ayat Penyata, Ayat Tanya, Ayat Seruan dan Ayat Perintah dalam Aktiviti Melukis, Minggu suai kenal dan Aktiviti Perbualan menggunakan Kit Misteri.
2. Untuk melihat binaan ayat yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah.
3. Untuk mengenalpasti dan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan sintaksis kanak-kanak ini.

3.1 Latar belakang keluarga responden

- pendidikan
- pekerjaan
- pendapatan

3.2 Persekitaran

- kawasan tempat tinggal
- perhubungan dalam keluarga
- kehidupan dalam rumah tangga

3.3 Pendedahan dan rangsangan

- pergaulan
- media masa
- lawatan.

4. Membuat rumusan dan cadangan untuk meningkatkan pemerolehan sintaksis di kalangan kanak-kanak prasekolah.





1.5 Batasan Kajian

Kajian tentang pemerolehan bahasa ini melibatkan 20 orang kanak-kanak yang belajar di Tadika Kemas Sabak Bernam, Selangor. Kanak-kanak ini berumur antara 5 hingga 6 tahun.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada kanak-kanak tadika yang datang daripada pelbagai latar belakang. Dalam kajian ini penyelidik akan menganalisis pemerolehan bahasa yang berlaku pada responden tersebut.

Aspek pemerolehan bahasa yang akan dikaji ini dibataskan kepada aspek jenis-jenis ayat bahasa Melayu dan binaan ayat.



1.6 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa konsep yang perlu diberi definisi merujuk khusus kepada penggunaannya. Konsep-konsep itu ialah pemerolehan bahasa, aspek sintaksis, kanak-kanak dan tadika .

1.6.1 Pemerolehan Bahasa

Menurut Mengantar Simanjuntak (1987 : 157), pemerolehan bahasa atau “**language acquisition**” ialah proses yang berlaku di dalam otak seorang kanak-kanak (bayi) sewaktu memperoleh bahasa ibunya atau lebih tepat bahasa pertamanya.





Awang Mohd. Amin (1971 : 4) memberikan definisi bahawa pemerolehan bahasa ialah bagaimana kanak-kanak menguasai bahasa ibunya atau bahasa pertama iaitu bahasa yang pertama kali didedahkan kepadanya sejak ia dilahirkan ke dunia. Pemerolehan bahasa juga bermaksud bagaimana kanak-kanak dapat menguasai bahasa pertama tanpa melalui proses pembelajaran yang formal dan intensif.

Jamali Ismail (1980 : 12) pula menyatakan bahawa proses pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak itu berlaku sedikit demi sedikit mengikut perkembangan otak, iaitu sebagai hasil perkembangan fizikal kanak-kanak itu sendiri secara keseluruhannya.

Ringkasnya, pemerolehan bahasa terdiri daripada proses-proses yang berlaku pada waktu kanak-kanak sedang menurankan (internalize) tatabahasa bahasa ibundanya dan sewaktu dia menguasai perlakuan atau penerapan tatabahasa ini dalam pemahaman dan penerbitan ayat-ayat (Mengantar Simanjuntak, 1987 : 158).

Dalam konteks kajian ini, pemerolehan bahasa ialah proses penguasaan berbahasa yang berlaku kepada kanak-kanak Tadika yang tinggal di daerah Sabak Bernam, iaitu pada masa kanak-kanak tersebut sedang memperoleh pengetahuan, pemahaman dan penerbitan ayat-ayat dalam bahasa pertama sebagai satu saranan untuk mengungkap perasaan, keinginan, pendirian dan berkomunikasi.





1.6.2 Sintaksis

Menurut Nik Safiah Karim, et. al (1993 : 317), sintaksis dapat ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat.

Ahmad Khair Mohd Nor, (2003 : 2) menjelaskan bahawa sintaksis merupakan istilah untuk mengkaji pembentukan ayat , iaitu bagaimana morfem dan kata disusun menjadi unit sintaksis yang kecil iaitu frasa, klausa dan ayat yang merupakan unit yang terbesar.

Dalam konteks kajian ini, sintaksis dirujuk kepada jenis-jenis ayat dalam bahasa Melayu dan binaan ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah.



1.6.3 Kanak-kanak

Jamaluddin Othman et al.(1982 : 197) mendefinisikan kanak-kanak sebagai budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya berumur 7 tahun).

Menurut Atan Long (1982 : 289) kanak-kanak pada peringkat umur 5 hingga 6 tahun, pertuturan mereka bertambah menjadi pertuturan bermasyarakat, iaitu pertuturan yang diucapkan untuk membuat perhubungan dengan orang lain.

Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak prasekolah yang dimaksudkan ialah kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun, iaitu mereka yang sudah boleh diterima belajar di kelas tadika dan sedang menguasai bahasa pertama.



1.6.4 Tadika

Tadika didefinisikan sebagai sekolah bagi kanak-kanak kecil biasanya yang berumur antara 4 hingga 6 tahun, taman didikan kanak-kanak (Kamus Dewan, 1996 : 1340).

Mengikut A.M.MacDonald (1972 : 724), tadika ialah, *“an infant an Froebels principles (1826), in which object lesson and games figure largely”*. Sarah Hammond Leeper (1969 : 5) pula mendefinisikan tadika sebagai :

“The kindergarden is the oldest and best known educational service for young children. Kindergarden usually serve five year old child, but some centers permit children to enter at the age of four. The program emphasizes the mental, emotional, physical and social needs of the child and includes a rich program of indoor and outdoor opportunities for experiences in the various areas of the curriculum”

Manakala George S. Morrison (1980 : 6) menyatakan bahawa tadika dirujuk kepada mana-mana program pendidikan kepada kanak-kanak sebelum mereka melangkah **“ke alam dunia”** persekolahan sebenar.

“Pre-school is generally used to refer to any educational program for children prior to their entrance into first grade”.

Dalam konteks kajian ini, tadika ialah sebuah institusi pendidikan asas bagi kanak-kanak prasekolah yang berumur antara 4 hingga 6 tahun.